

**JIKA UJIAN
ANTIBODI
HIV
POSITIF**






KANDUNGAN

- Apa Itu HIV 2
- Bagaimana HIV Merebak 3
- Bagaimana Menghalang Jangkitan HIV 4
- Apa Terjadi Kepada Penghidap Jangkitan HIV 5
- Perkhidmatan Yang Disediakan 7
 - Ujian Makmal
 - Rawatan
 - Kaunseling
- Tanggungjawab Anda Sebagai Seorang Pembawa HIV 10
- Hak-Hak Pembawa HIV 11

APA ITU HIV/AIDS

HIV (Human Immunodeficiency Virus) adalah virus yang menyebabkan AIDS. AIDS adalah lanjutan daripada jangkitan HIV di mana sistem pertahanan semulajadi badan terhadap penyakit telah dilumpuhkan. Virus HIV memerlukan sel-sel manusia untuk membiak dan ia boleh didapati di dalam darah, air mani dan cairan kemaluan wanita.



BAGAIMANA HIV MEREBAK

HIV tidak mudah merebak. Virus ini mudah musnah dan tidak boleh hidup lama di luar badan manusia. Terdapat beberapa cara di mana HIV boleh menjangkiti manusia :

- a. Perhubungan seks dengan pembawa HIV.
- b. Perkongsian jarum suntikan dadah yang tercemar.
- c. Ibu yang dijangkiti kepada bayi dalam kandungan, semasa kelahiran atau melalui penyusuan ibu.
- d. Pemindahan darah yang tercemar.
- e. Pemindahan organ yang tercemar.
- f. Tercucuk jarum suntikan yang tercemar.



BAGAIMANA MENGHALANG JANGKITAN HIV...

Adalah amat penting untuk memahami bahawa jangkitan HIV bukanlah berakhirnya satu kehidupan dan harapan. Kebanyakan pembawa HIV nampak sihat dan mereka menjalani kehidupan harian seperti biasa selama beberapa tahun selepas diagnosa dibuat. Jika anda didapati HIV positif, adalah lebih baik dan bermunafaat jika anda menerima kenyataan, mengambil langkah-langkah menjaga kesihatan anda dan menghalangnya daripada merebak kepada orang lain.



- a. Jika anda menagih dadah, jangan sekali-kali berkongsi jarum. Sebaik-baiknya ikutlah program pemulihan dadah untuk berhenti terus dari menagih dadah.
- b. Jangan mengadakan perhubungan seks tanpa perlindungan (unprotected). Pastikan anda tidak mengadakan perhubungan seks di luar perkahwinan.
- c. Jangan menderma darah, tisu badan atau organ badan.
- d. Jangan berkongsi alatan peribadi seperti pisau cukur, gunting atau berus gigi.



Mengikut Akta Penyakit Berjangkit 1988 seksyen 12(2), adalah menjadi satu kesalahan bagi seseorang yang mengetahui dirinya dijangkiti oleh penyakit berjangkit menyebarkan jangkitannya kepada orang lain.

APA TERJADI KEPADA PENGIDAP JANGKITAN HIV...


JANGKAMASA "WINDOW"

Adalah jangkamasa yang diambil apabila seseorang itu dijangkiti HIV sehingga antibodi HIV dikesan di dalam darahnya (ujian HIV positif). Di peringkat ini, virus tersebut membiak dengan cepat. Walaubagaimanapun, paras virus di dalam darah akan berkurangan apabila paras antibodi meningkat. Ia selalunya memakan masa antara 2 hingga 12 minggu setelah jangkitan bermula. Semasa jangkamasa ini, seseorang itu adalah amat mudah menyebarkan virus HIV walaupun mempunyai ujian darah HIV yang negatif.

JANGKAMASA TIADA TANDA (PEMBAWA HIV)

Di peringkat awal jangkitan, pembawa HIV kebiasaannya nampak sihat walaupun ujian HIV adalah positif (Antibodi HIV telah dikesan di dalam darah). Kira-kira 50 peratus daripada mereka mengambil masa selama sepuluh tahun untuk menunjukkan tanda-tanda AIDS, tetapi jangkamasa ini mungkin lebih pendek jika tahap kesihatan dan pemakanan tidak dijaga dengan baik.

Riwayat Jangkitan HIV/AIDS



AIDS DAN TANDA-TANDA JANGKITAN KLINIKAL

Setelah 5 hingga 7 tahun, virus HIV akan mengurangkan keupayaan sistem pertahanan badan pembawa HIV tersebut. Pesakit akan mula mengalami tanda-tanda seperti demam, ulser mulut, berpeluh yang banyak di waktu malam, susut berat badan, kelesuan dan kebas-kebas di tangan dan kaki. Apabila sistem pertahanan badan menjadi lumpuh, tanda-tanda jangkitan akan menjadi lebih teruk. Fasa ini terjadi setelah 8 hingga 9 tahun dari jangkitan awal dan dipanggil AIDS.

Secara purata jangka hayat seseorang pesakit AIDS tidak lebih dari 2 tahun. Keadaan-keadaan yang berkait rapat dengan AIDS termasuklah pneumonia, meningitis, pening dan sawan, susut berat badan, kelesuan dan keletihan badan, hilang ingatan, barah kelenjar, kebutaan dan jangkitan otak.

Akhirnya, fungsi pertahanan badan gagal dan ini membawa kepada maut.

Tanpa rawatan pesakit AIDS boleh maut dalam masa dua tahun. Walaubagaimanapun jangka hayatnya akan lebih panjang jika mendapat rawatan sewajarnya dan mengamalkan cara hidup yang sihat.



PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

UJIAN MAKMAL

1. UJIAN CD4

Ia dilakukan untuk mengenalpasti tahap jangkitan HIV dan menentukan bila rawatan 'Highly Active Anti-retroviral Treatment' (HAART) boleh dimulakan. Sistem pertahanan badan manusia mempunyai beberapa jenis sel yang digunakan bagi mempertahankan badan dari jangkitan kuman. Salah satu sel ini dipanggil CD4 atau Sel-T. Virus HIV akan menyerang sel-sel ini dan menggunakannya untuk menambah bilangan virus HIV, menyebabkan lebih banyak sel CD4 dimusnahkan dan tidak berupaya berfungsi lagi bagi mempertahankan badan dari jangkitan.

Individu yang sihat mempunyai bilangan CD4 antara 600-1200 sel/mm³ darah. Pesakit HIV akan dianggap mempunyai bilangan CD4 yang "normal" jika ianya melebihi 500 sel/mm³. Jika bilangan CD4 ini jatuh di bawah 200 sel/mm³, pesakit dikategorikan berada dalam keadaan-keadaan yang berkait rapat dengan AIDS dan rawatan HAART akan dimulakan oleh doktor.

2. UJIAN 'VIRAL LOAD'

Ujian 'viral load' adalah untuk mengukur jumlah virus di dalam darah. Pesakit HIV yang mempunyai 'viral load' yang tinggi adalah lebih terdedah mendapat jangkitan oportunistik dan AIDS berbanding mereka yang mempunyai 'viral load' yang rendah. Doktor akan menggunakan paras 'viral load' pesakit untuk membuat keputusan bila terapi akan dimulakan dan jenis ubat yang harus digunakan serta memantau keberkesanannya.



RAWATAN

A. RAWATAN ANTI-RETROVIRAL

Kombinasi ubat anti-retroviral bila digunakan dapat merencat pembiakan virus HIV di bawah paras 50 copies/ml, (iaitu di bawah paras yang boleh dikesan oleh ujian HIV).

Kombinasi yang disyorkan oleh Kementerian Kesihatan adalah : 2 jenis Nucleoside Reversed Transcriptase Inhibitor (NRTI) + 1 Protease Inhibitor (PI) atau Non-Nucleoside Reversed Transcriptase Inhibitor (NNRTI)

Rawatan akan disyorkan kepada pesakit yang :

1. Mempunyai tanda-tanda AIDS.
 2. Paras CD4 kurang daripada 200 sel/ml.
 3. Paras 'viral load' melebihi 30,000 copies/ml.
- Dan patuh kepada jadual rawatan.



B. RAWATAN PROFILAKTIK

Rawatan profilaktik akan diberi untuk mencegah jangkitan oportunistik seperti *Pneumocystis Carini pneumonia (PCP)*, tuberculosis (TB), candidiasis, toxoplasmosis dan lain-lain.


C. LAIN-LAIN PERKHIDMATAN

Rujukan sokongan (Kesihatan dan Bukan kesihatan)

Semasa dalam rawatan susulan pesakit juga akan dirujuk kepada agensi kerajaan atau bukan kerajaan yang berkenaan untuk mendapatkan perkhidmatan sokongan.

D. PERKHIDMATAN KAUNSELING

Perkhidmatan kaunseling pra-ujian, selepas ujian serta kaunseling sokongan, boleh didapati di kemudahan-kemudahan kesihatan awam. Kaunseling boleh dijalankan dalam bentuk kaunseling secara bersemuka atau secara berkumpulan (support group). Anda juga boleh mendapatkan maklumat atau khidmat kaunseling melalui talian khidmat bantuan atau laman web <http://www.dph.gov.my/aids> atau e-mail kepada aids@dph.gov.my



TANGGUNGJAWAB ANDA SEBAGAI SEORANG PEMBAWA HIV...

Dengan mengekalkan tahap kesihatan optima, seseorang pembawa HIV boleh hidup sihat lebih lama berbanding dengan mereka yang tidak menjaga kesihatan diri. Anda boleh mencapai tahap kesihatan optima melalui :

- a. Mengamalkan gaya hidup sihat seperti tidur yang mencukupi, tidak merokok, bersenam, makan makanan sihat, dan seimbang serta menjaga kesihatan diri.
- b. Segera mendapatkan rawatan awal sekiranya menghadapi masalah kesihatan.
- c. Berfikiran positif bagi mengelakkan tekanan fizikal, emosi dan mental untuk meneruskan kehidupan.
- d. Sentiasa patuh dan amalkan ajaran agama setiap masa.
- e. Sekiranya menerima rawatan, anda hendaklah mematuhi jadual rawatan yang diberikan dan mendapatkan rawatan susulan yang telah ditetapkan.




HAK-HAK PEMBAWA HIV

- Menentukan status HIV anda dikendalikan secara sulit.
- Menerima perkhidmatan rawatan dan kaunseling di klinik dan hospital.
- Mendapat rawatan HAART secara percuma sekiranya anda:
 - i. Kanak-kanak berumur di bawah 12 tahun.
 - ii. Mendapat jangkitan melalui pemindahan darah/hasihan darah/organ.
 - iii. Petugas kesihatan yang mendapat jangkitan HIV melalui pendedahan sewaktu bertugas.
 - iv. Wanita yang dikesan melalui saringan HIV kepada ibu mengandung - Program Mother To Child Transmission (MTCT)

Kepada lain-lain pesakit, kerajaan menyediakan secara percuma satu ubat anti-retroviral.









KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



<http://www.dph.gov.my/aids>
kkm/10,000/03